

29/08/1999

Zenaida belajar baca ketika bayi

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR: Pelajar pintar luar biasa, Zenaida Sofia Salih Lowe, 16, yang ditawarkan memasuki Dartmouth College di Hanover, Amerika Syarikat, mula diajar membaca ketika berusia kurang setahun.

Ibunya, Profesor Datuk Zuraina Abdul Majid yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, anaknya sudah boleh membaca, menulis dan melukis ketika berusia dua hingga tiga tahun.

"Agaknya rahsia kejayaan Zenaida kerana kami selalu memberi sokongan terhadap minatnya dan menjawab apa saja soalan dan rasa ingin tahu yang dibangkitkannya.

"Pengetahuan, minat dan kesungguhan menjadi asas kepada kejayaannya. Kami bersyukur," katanya ketika ditemui selepas majlis penganugerahan biasiswa Yayasan Telekom Malaysia kepada Zenaida Sofia di sini, semalam.

Yayasan Telekom menaja RM120,000 setahun selama empat tahun pengajian Zenaida dalam bidang ijazah sarjana muda Fizik dan Sains Komputer. Zenaida turut mengambil bidang Astronomi sebagai pilihan.

Pengerusi Telekom Malaysia, Datuk Ir Md Radzi Mansor menyampaikan biasiswa berkenaan. Turut hadir, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Wira Mohamed Said Mohamed Ali dan bapa Zenaida, Prof Datuk Vincent Salih Lowe.

Zenaida, anak bongsu daripada dua beradik, akan berlepas ke Amerika Syarikat 5 September ini. Beliau yang mendapat 7A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lalu, adalah antara lima peratus pelajar antarabangsa yang berpeluang belajar di Dartmouth College.

Selepas PMR, beliau mengambil beberapa peperiksaan kelayakan untuk menyambung pelajaran di Amerika Syarikat termasuk ujian SAT I & II (Scholastic Aptitude Test) dan ujian bahasa Inggeris (TOEFL) serta lulus cemerlang.

Zenaida pernah diumumkan sebagai penerima anugerah Tunas Jaya Kebangsaan 1996 sempena Perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia ke-43 di Stadium Negeri, Terengganu.

Ini kerana bakat luar biasa dalam bidang kokurikulum iaitu tarian ballet klasik, lulus teori muzik Gred 6, mahir bermain piano dan violin, selain pencapaian akademik yang cemerlang.

Beliau juga terpilih menyertai Program Angkasa Lepas 'US Space Camp' di Pusat Angkasa Lepas NASA di Tituville, Florida dalam prinsip teknologi angkasa lepas pada 1994.

Prof Zuraina berkata, pendidikan tidak formal sangat penting untuk perkembangan minda anak dan ibu tidak boleh mengketepikan persoalan yang diajukan anak.

"Saya mengharap Zenaida pulang ke negara ini dengan kejayaan dan berbakti kepada tanah air," katanya.

Bercakap kepada pemberita, Zenaida yang fasih berbahasa Melayu dan Inggeris turut berjanji untuk pulang ke tanah air selepas menamatkan pengajian dan akan menabur bakti kepada negara.

Sementara itu, Md Radzi mengharapkan Zenaida dapat menjadi rakyat Malaysia pertama yang akan memenangi hadiah Nobel dalam bidang saintifik.

"Hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melahirkan seorang pemenang hadiah Nobel akan tercapai, jika Zenaida dapat membuktikan sesuatu yang baru kepada dunia," katanya.

(END)

